

# MGCC janji . . tarik pelabur J e r m a n ke Malaysia

UM 25 AUG 2001

PUTRAJAYA 23 Ogos — Dewan Perdagangan dan Perindustrian Jerman-Malaysia (MGCC) berjanji untuk meningkatkan komitmen ke arah menarik lebih banyak syarikat Jerman melabur di negara ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Eksekutifnya, Dr. Rainer Herret kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir dalam satu pertemuan ringkas di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, beliau berkata, buat masa ini terdapat lebih 300 syarikat Jerman melabur dalam bidang, perkhidmatan dan pemiagaan di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, nama Malaysia masih kurang dikenali di kalangan masyarakat perdagangan di negaranya.

Oleh itu usaha mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelaburan yang menarik harus ditingkatkan.

"Malaysia merupakan tempat yang tepat untuk pelaburan tetapi malangnya rakyat Jerman lebih mengenali Thailand dan Singapura berbanding negara ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Duta Jerman ke Malaysia, Jürgen Staks yang bersetuju bahawa langkah memperkenalkan negara ini di kalangan rakyat Jerman perlu ditingkatkan.

Menurut Dr. Herret, pihaknya juga akan meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan profesional yang memberi pendedahan secara praktikal kepada para pelajar di negara ini.

Katanya, para pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Institut Jerman-Malaysia misalnya, akan diberi pendedahan mengenai corak latihan ala Jerman yang mementingkan aspek praktikal berbanding teori.

Beliau berkata, kira-kira 2,000 pelajar di negara ini memperoleh faedah daripada kursus praktikal yang ditawarkan oleh institut tersebut.

Selain itu, Dr. Herret berkata, langkah mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang setanding dengan Singapura dan Thailand juga akan ditingkatkan.

"Secara keseluruhannya hanya satu peratus rakyat Jerman yang mengetahui mengenai kewujudan Malaysia sedangkan negara ini sebenarnya menarik untuk dikunjungi," katanya.

Tambah beliau, langkah Malaysia menganjurkan perlumbaan berprestij Formula One (F1) dan terbinanya Menara Berkembar Petronas menyebabkan negara ini semakin dikenali.